

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN


Dalam perbincangan ini, pengkaji mencadangkan beberapa kaedah mengikut kepada keperluan gaya terjemahan berikut berdasarkan analisis yang telah dibuat pada bab yang lalu.

5.1 Bentuk Terjemahan Ayat *Amthāl Muṣarraḥah* Dalam Tafsir Pimpinan ar-Rahman

Berdasarkan pemerhatian terhadap terjemahan ayat *amthāl muṣarraḥah* di dalam al-Qur'ān, pengkaji berpendapat secara umum bahawa rumusan bentuk gaya terjemahan ayat *amthāl muṣarraḥah* oleh Sheikh Abdullah Basmeih boleh dikategorikan kepada dua jenis:-

- i. Terjemahan ayat *amthāl muṣarraḥah* yang jelas dan mudah difahami .
- ii. Terjemahan ayat *amthāl muṣarraḥah* yang kompleks dan kurang difahami.

Berikut adalah klasifikasi terjemahan ayat *amthāl muṣarraḥah* yang dirumuskan mengikut kriteria bentuk terjemahan yang telah ditentukan oleh pengkaji berdasarkan analisis yang telah dibuat. Berikut adalah peta minda bagi analisis terjemahan ayat *amthāl muṣarraḥah* menerusi Tafsir Pimpinan ar-Rahman yang dibuat berdasarkan bab yang lepas:-



Rajah 5:1: Bentuk Terjemahan Ayat Amthal Mussarahah Tafsir Pimpinan Ar-Rahman

Pada rajah berikut, pengkaji telah menggariskan terjemahan-terjemahan yang memerlukan kepada cadangan penambahbaikan bagi menjelaskan makna yang tersirat. Bagi kategori terjemahan ayat *amthāl muṣarraḥah* yang berbentuk jelas dan mudah difahami, pengkaji mencadangkan agar dikekalkan. Namun, pada surah al-Baqarah ayat 265, pengkaji menambah sedikit maklumat bagi memberikan kefahaman yang meluas agar mudah untuk pembaca didedahkan dengan pengetahuan yang pelbagai. Manakala, bagi kategori terjemahan ayat *amthāl muṣarraḥah* yang berbentuk kompleks dan kurang difahami, pengkaji menyarankan agar menggunakan kaedah yang bersesuaian pada ayat berikut supaya jelas dalam memahami maksud sebenar ayat *amthal muṣarraḥah* tersebut.

5.2 Senarai terjemahan ayat *amthal muṣarraḥah* yang ditambahbaik.

Secara ringkasnya, pengkaji mencadangkan agar 7 ayat terjemahan *amthāl muṣarraḥah* dibawah perlu diberikan penambahbaikan. Berikut adalah:

Jadual 5.1: Cadangan Penambahbaikan Ayat *Amthāl Muşarraḥah*

Bil	Surah	Terjemahan asal	Cadangan terjemahan baru	Cadangan Aplikasi kaedah
1.	Al-Baqarah: 17-18	<i>Perbandingan hal mereka (golongan munafik itu) samalah seperti orang yang menyalakan api; apabila api itu menerangi sekelilingnya, (tiba-tiba) Allah hilangkan cahaya (yang menerangi) mereka, dan dibiarkannya mereka dalam gelap gelita, tidak dapat melihat (sesuatu pun) (17)</i>	<i>Perbandingan hal mereka (golongan munafik itu) samalah seperti orang yang menyalakan api; apabila api itu menerangi sekelilingnya, (tiba-tiba) Allah hilangkan cahaya dalam gelap gelita, tidak dapat melihat (sesuatu pun) (17)</i> *Keadaan golongan munafik yang pura-pura beriman dan sentiasa berada dalam kebingungan serta kesesatan. Mereka juga akan mendapat azab yang pedih daripada perbuatan mereka itu di akhirat kelak.	Rujuk kitab muktabar dan meletakkan nota kaki tambahan
2.	Al-Baqarah: 19-20	<i>Atau (bandingannya) seperti (orang-orang yang ditimpa) hujan lebih lebat dari langit, bersama-sama dengan gelap gelita, dan guruh serta kilat; mereka menyumbat jarinya ke dalam telinga masing-masing dari mendengar suara petir, kerana mereka takut mati. (Masakan mereka</i>	<i>Atau (bandingannya) seperti (orang-orang yang ditimpa) hujan lebih lebat bersama-sama dengan gelap gelita, dan guruh serta kilat; mereka menyumbat jarinya ke dalam telinga masing-masing dari mendengar suara petir, kerana mereka takut mati. (Masakan mereka boleh terlepas), sedang (pengetahuan dan kekuasaan) Allah</i>	Rujuk kitab muktabar dan meletakkan nota kaki tambahan

		<p>boleh terlepas), sedang (pengetahuan dan kekuasaan) Allah meliputi orang-orang yang kafir itu. (19)</p>	<p>meliputi orang-orang yang kafir itu. (19)</p> <p>*Al-Qur'an diturunkan sebagai panduan kepada hamba-Nya. Namun, terdapat segelintir yang berpaling daripadanya dan digolongkan dalam kalangan munafik yang sentiasa dalam kekufuran, ketakutan, kebingungan, cemas serta suka mengambil kesempatan.</p>	
3.	Al-Baqarah: 265	<p>Dan bandingan orang-orang yang membelanjakan hartanya kerana mencari keredhaan Allah dan kerana meneguhkan (iman dan perasaan ikhlas) yang timbul dari jiwa mereka, adalah seperti sebuah kebun di tempat yang tinggi, yang ditimpa hujan lebat, lalu mengeluarkan hasilnya dua kali ganda. Kalau ia tidak ditimpa hujan lebat maka hujan renyai-renyai pun (cukup untuk menyiraminya). Dan (ingatlah), Allah sentiasa Melihat akan apa yang kamu lakukan (265)</p>	<p>Dan bandingan orang-orang yang membelanjakan hartanya (banyak mahupun sedikit) kerana mencari keredhaan Allah dan kerana meneguhkan (iman dan perasaan ikhlas) yang timbul dari jiwa mereka, adalah seperti sebuah kebun di tempat yang tinggi, yang ditimpa hujan lebat, lalu mengeluarkan hasilnya dua kali ganda. Kalau ia tidak ditimpa hujan lebat maka hujan renyai-renyai pun (cukup untuk menyiraminya). Dan (ingatlah), Allah sentiasa Melihat akan apa yang kamu lakukan (265)</p>	<p>Rujuk kitab muktabar dan menambah maklumat dalam kurungan</p>

4.	Al-Baqarah: 275	<p>Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk Syaitan dengan terhayong-hayang (Syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: "Bahawa sesungguhnya berjual beli itu sama sahaja seperti riba". Padahal Allah telah menghalalkan jual beli (berniaga) dan mengharamkan riba. Oleh itu sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhannya lalu ia berhenti (dari mengambil riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya, dan perkaranya terserahlah kepada Allah. Dan sesiapa mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba itu) maka mereka itulah ahli nereka, mereka kekal di dalamnya (275)</p>	<p>Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk Syaitan dengan terhayong-hayang kerana sentuhan (Syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: "Bahawa sesungguhnya berjual beli itu sama sahaja seperti riba". Padahal Allah telah menghalalkan jual beli (berniaga) dan mengharamkan riba. Oleh itu sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhannya lalu ia berhenti (dari mengambil riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya, dan perkaranya terserahlah kepada Allah. Dan sesiapa mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba itu) maka mereka itulah ahli nereka, mereka kekal di dalamnya (275)</p>	<p>Rujuk kitab muktabar dan meletakkan nota kaki tambahan</p>
		<p>*Hati bagi golongan yang mengamalkan riba di dunia sentiasa tidak tenang, gelisah dan tenggelam dengan masalah keduniaan. Manakala, di akhirat mereka dibangkitkan dalam keadaan terhuyong-hayang seperti kerasukan jin dan</p>		

		<i>jiwanya dipengaruhi syaitan.</i>		
5.	Āli ^c - Imrān: 59	Sesungguhnya perbandingan (kejadian) Nabi 'Isa di sisi Allah adalah sama seperti (kejadian) Nabi Adam. Allah telah menciptakan Adam dari tanah lalu berfirman kepadanya: "Jadilah engkau!" maka menjadilah ia.	Sesungguhnya perbandingan (kejadian) Nabi 'Isa (tanpa bapa) di sisi Allah adalah sama seperti (kejadian) Nabi Adam. Allah telah menciptakan Adam dari tanah lalu berfirman kepadanya: "Jadilah engkau!" maka menjadilah ia.	Rujuk kitab muktabar dan menambah maklumat dalam kurungan
6.	Al-An ^c ām: 125	Maka sesiapa yang Allah kehendaki untuk memberi hidayah pertunjuk kepadanya nescaya Ia melapangkan dadanya (membuka hatinya) untuk menerima Islam; dan sesiapa yang Allah kehendaki untuk menyesatkannya, nescaya Ia menjadikan dadanya sesak sempit sesempit-sempitnya, seolah-olah ia sedang mendaki naik ke langit (dengan susah payahnya). Demikianlah Allah menimpakan azab kepada orang-orang yang tidak beriman.	Maka sesiapa yang Allah kehendaki untuk memberi hidayah pertunjuk kepadanya nescaya Ia melapangkan (membuka hatinya) untuk menerima Islam; dan sesiapa yang Allah kehendaki untuk menyesatkannya, nescaya Ia menjadikan dadanya sesak sempit sesempit-sempitnya, seolah-olah ia sedang mendaki naik ke langit (dengan susah payahnya). Demikianlah Allah menimpakan azab kepada orang-orang yang tidak beriman.	Rujuk kitab muktabar dan meletakkan nota kaki tambahan
			*Situasi tersebut menunjukkan seolah-olah mereka tidak mampu untuk naik ke langit kerana keterbatasan dan diluar kemampuan manusia. Begitulah keimanan yang menjadi beban kepada golongan kafir.	
7.	Hūd: 24	Bandingan dua golongan (yang	Bandingan dua golongan (yang kafir dan yang	Rujuk kitab muktabar dan

<p><i>kafir dan yang beriman) itu samalah beriman) itu seperti orang yang buta samalah seperti serta pekak, dengan orang yang buta orang yang celik serta serta pekak, dengan mendengar; kedua-dua orang yang celik golongan itu tidaklah serta mendengar; sama keadaannya. kedua-dua golongan (Setelah kamu itu tidaklah sama mengetahui yang keadaannya. demikian) maka tidakkah (Setelah kamu kamu mahu mengambil mengetahui yang peringatan dan insaf? demikian) maka (24) tidakkah kamu mahu mengambil peringatan dan insaf? (24)</i></p>	<p>meletakkan nota kaki tambahan</p> <p>*Golongan kafir disifatkan buta daripada kebenaran dan tidak mahu mendengar hujah serta tidak mengambil manfaat daripadanya. Manakala, golongan beriman disifatkan dapat melihat kebenaran dan mendengar hujah serta mampu menghindari perkara yang samar- samar (kebatilan).</p>
--	--

5.3 Kesimpulan Bab


Pengkaji menyimpulkan bahawa terdapat tujuh bentuk terjemahan ayat *amthāl muşarraḥah* yang memerlukan penambahbaikan. Oleh itu, pengkaji mencadangkan beberapa kaedah yang boleh diaplikasikan kepada para penterjemah sebagai panduan. Berikut adalah:-

1. Menterjemah ayat *amthāl* dengan memberikan keperluan kefahaman yang baik.
2. Meletakkan maklumat dalam kurungan kepada perkataan yang diperlukan serta nota kaki sebagai pencerahan kepada pembaca agar mencapai maksud konteks ayat tersebut.

3. Mempelbagaikan rujukan tafsir yang muktabar dalam menterjemah al-Qur'an.

Pengkaji berharap agar kaedah ini dapat digunakan oleh para penterjemah supaya dapat mengurangkan kekeliruan dan keraguan serta dapat menambahbaik penterjemahan yang dilakukan. Oleh itu, ahli-ahli bidang yang terlibat harus memberi tumpuan sebaiknya bagi menghasilkan terjemahan yang berkualiti seiring membantu pembaca meningkatkan kefahaman agar mencapai maksud yang sebenar. Berikut adalah ringkasan peta minda bagi bab ini:

boardmix



boardmix

Rajah 5:2: Cadangan Kaedah Terjemahan Amthāl muṣarraḥah